

munasabah disamping mengawal pendedahan/ketirisan maklumat rasmi Kerajaan. Dalam hal ini, Akta 694, Akta 711 dan Akta 88 boleh berjalan seiring tanpa timbul persoalan *ultra-vires* atau *inconsistency* antara akta-akta tersebut. Malah pegawai awam atau mana-mana individu yang membocorkan atau melepaskan maklumat rahsia rasmi kerana menerima rasuah boleh didakwa di bawah akta-akta berkenaan.

Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal undang-undang baharu seperti Hak untuk Maklumat (*Right to Information*) kerana Akta 694, Akta 711 dan Akta 88 boleh diguna pakai bagi tujuan membasmi gejala rasuah.

Sekian. Terima kasih.